

**Kios Informasi 1Malaysia sumber maklumat
Utusan Online
05 Mei, 2012**

KOTA BHARU 4 Mei - Kios Informasi 1Malaysia yang beroperasi di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) di sini sejak dua minggu lalu telah menjadi medium kepada masyarakat setempat untuk memperoleh maklumat.

Ketua Penolong Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kamal Badrin berkata, dengan beroperasinya kios berkenaan, masyarakat khususnya di negeri ini boleh melayari Internet yang disediakan di sini seterusnya memperoleh maklumat dengan cepat.

Menurutnya, untuk tujuan ini, tiada sebarang bayaran dan had masa dikenakan.

Orang ramai hanya perlu datang dan boleh melayari Internet dengan tujuan mendapatkan maklumat tanpa sebarang sekatan.

"Sempena program RTC yang diadakan ini, kios kami turut menjadi antara tumpuan pengunjung yang ingin menggunakan internet.

"Kami mulakan operasi pada pukul 8.30 pagi hingga 5.30 petang. Ia akan diteruskan selepas ini walaupun program RTC ini berakhir esok," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Kamal berkata, pihaknya menyediakan lapan unit komputer untuk kegunaan pengunjung yang datang.

Katanya, jumlah tersebut walaupun dilihat sedikit namun mampu memenuhi kehendak pengguna setiap kali mereka datang tanpa perlu berebut-rebut.

"Kita juga menyediakan kios ini di RTC Gopeng, Perak dan kios di sini adalah yang kedua disediakan," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0505&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_10.htm